

# ISLAM: TAK PERLU BIMBANG

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia

## Dr M: Kita sentiasa bersikap wajar

**KUALA LUMPUR, Khamis** — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahatir Mohamad tidak menolak kemungkinan Malaysia mengamalkan undang-undang Islam dan memberi jaminan kepada rakyat, terutama yang bukan Islam bahawa mereka tidak perlu bimbang. Beliau menegaskan konsep keadilan Islam sudahpun terdapat dalam undang-undang bersama (common law) di negara ini dan orang ramai

tidak seharusnya khuatir dalam perkara ini. Katanya, Islam, agama yang pragmatik yang mewajibkan seseorang melakukan jenayah mesti dihukum.

"Itulah yang kita buat... rakyat tak perlu bimbang tentang ini," tegas Perdana Menteri dalam satu wawancara khas sempena ulangtahun pertama beliau memegang teraju pemerintahan negara esok.

Datuk Seri Dr. Mahatir berkata, beliau tahu ramai orang bimbang tetapi ini adalah disebabkan mereka kurang faham.

"Mereka lihat amalan-amalan yang melampau di tempat lain, dan mereka sangka itulah yang kita nak buat di sini."

"Di negara ini, kita sentiasa bersikap wajar. Kita tak pernah memaksa orang bukan Islam menerima apa-apa yang bertentangan dengan hati nurani mereka atau semata-mata untuk memaksakan cara kita."


"Itu tidak patut. Lainlah kalau nanti semua orang dah memeluk agama Islam, tak jadi masalah lagi," katanya.

Perdana Menteri berkata, anggota-anggota Kabinet bukan Islam tidak bimbang tentang ini.

"Mereka tidak pernah bangkitkan soal ini. Mereka tahu amalan kita di sini selaras dengan konsep keadilan mereka dan selaras juga dengan konsep keadilan dalam Islam."

Mengenal soal adanya dakwaan bahawa UMNO tidak mewakili Islam, disebabkan oleh kelakuan segelintir ahlinya, Datuk Seri Dr. Mahatir menegaskan orang yang menegakkan Islam mengamalkan Islam tahu yang UMNO berjuang sungguh-sungguh menegakkan Islam.

Beliau menyebut perubahan Universiti Islam sebagai contoh tetapi kita tidak hebokan perkara ini.



PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr. Mahatir Mohamad memeriksa sesuatu dari komputer di pejabat beliau di Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur.

Merujuk sesuatu perkara yang penting dan rabia dari komputer merupakan sebahagian dari kerja-kerja Perdana Menteri setiap hari.

No. Siri 2895  
No. Penerimaan 640/85